



	<p>KENYATAAN / SIARAN AKHBAR</p> <p>Untuk maklumat lanjut sila hubungi: Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008</p>
---	--

FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA 2019 SASAR 1.5 JUTA PENGUNJUNG

PUTRAJAYA, 16 APRIL 2019: Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim mengumumkan penganjuran kali ke-tujuh Festival Ramadan Putrajaya di Lobi Auditorium Cempaka Sari, Kompleks PPj, Presint 3 hari ini.

Turut hadir, Mufti Wilayah Persekutuan, YBhg. Dato' Seri Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri, Naib Presiden Kanan PPj, YBhg. Dato' Omairi Bin Hashim, Naib Presiden Perkhidmatan Bandar PPj, YBhg. Datuk Aizzi Bin Hj Ahmad Termizi dan Pengarah Urusan TGE Resources Sdn Bhd, En. Abdul Ajib Bin Mohd Zin.

Bertujuan mengimarahkan bulan Ramadan dengan pengisian-pengisian kerohanian, Festival Ramadan Putrajaya 2019 (FRP2019) turut menjadi alternatif bagi warga Putrajaya dan kawasan sekitarnya mendapatkan barangan persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Bagi memenuhi objektifnya, FRP2019 telah merancang pelbagai pengisian berbentuk kerohanian dan kemasyarakatan seperti sesi tazkirah, ceramah, tadarus Al-Quran, riadah dan sukan sunnah serta program-program lain.

Pada tahun ini, FRP2019 akan dimulakan 5 hari lebih awal dari tarikh 1 Ramadan iaitu dari 1 Mei sehingga 4 Jun 2019. Beroperasi dari jam 12.00 tengah hari hingga 12.00 tengah malam, FRP2019 akan berlangsung di kawasan Persiaran Perdana Presint 3, Kompleks Perbadanan Putrajaya dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA). FRP2019 dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu Bazar Ramadan, Anjung Syawal dan Laman Iftar dengan sasaran pengunjung seramai 1.5 juta.

Bagi komponen Bazar Ramadan terdapat 300 gerai yang bakal menjual pelbagai juadah berbuka puasa bertempat di lot berhampiran MTMZA. Pengunjung turut

mempunyai pilihan untuk mendapatkan juadah berbuka di Laman Iftar terletak di antara ruang antara Blok AB dan Blok CD, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Selain itu, pengunjung juga berpeluang berbuka puasa berkonsepkan berkelah di kawasan padang berhadapan Kompleks PPj.

Bagi komponen Anjung Syawal pula, dianggarkan lebih 300 penggerai akan turut serta termasuk 20 selebriti tempatan yang menjual barangan persiapan raya. Di samping jualan barangan turut diadakan pameran, persembahan dan hadiah cabutan bertuah lumayan untuk para pengunjung. Permohonan untuk lot perniagaan di Anjung Syawal masih dibuka sehingga 4 Mei 2019.

Festival ramadan mengetengahkan tema #imarahFRP2019 bagi menyeru seluruh masyarakat untuk mengimarahkan, memeriahkan, menceriakan, menyokong dan menghidupkan Festival Ramadan Putrajaya 2019.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887347/019-3354346 atau e-mel ke alamat m.fairus@ppj.gov.my untuk maklumat lanjut.



(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL)
Pengarah Komunikasi Korporat
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 15 April 2019